



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency


KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

Mercu MGA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: +603 8688 3611 Faks: +603 8688 3600



9

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 (2)
Tarikh : 30 November 2023



POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

TNC A+1
P BZUA
P PPPA
P CALM
utic makluman dan tindakan lanjut

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,



Prof Dr. Hj Ahmad Hata Rasi 11/24
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/2023

PENGGUNAAN EDISI TERKINI GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: ASSESSMENT OF STUDENT LEARNING, GGP: AoSL)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pembelajaran Pelajar (Guidelines to Good Practices: Assessment of Student Learning, GGP: AoSL) yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Surat Makluman Bil 4/2013 bertarikh 24 Jun 2013.

3. Dokumen ini telah menjadi rujukan dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam mencapai standard yang ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA), Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA) dan Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Open and Distance Learning, COP-ODL).

4. Bagi memastikan kandungan dokumen GGP: AoSL adalah komprehensif dan selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi yang dinamik, MQA telah melaksanakan Kajian Semula terhadap GGP: AoSL berasaskan kepada perkembangan semasa dan input yang diterima daripada pihak berkepentingan.

Salmah upd TP/PC

Dr Kartiqaht Abd Ghani
Pegarah
Pusat Pembelajaran Gunaan dan Mutlimedia
Universiti Malaysia Sarawak

5. Justeru, selaras dengan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan hasil kajian semula tersebut, MQA turut menambah baik tajuk dokumen daripada Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar kepada **Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pembelajaran Pelajar (Guidelines to Good Practices: Assessment of Student Learning, GGP: AoSL)**.

6. Dokumen GGP: AoSL ini menggariskan amalan-amalan baik dalam penilaian pembelajaran pelajar dan mengandungi komponen-komponen berikut:

Part 1: The Overview of Assessment in Higher Education

Part 2: Assessment the Student Learning

Part 3: Assessment Management

Part 4: Assessment in Diverse Context

Part 5: Communicating Assessment and Outcomes

7. Dokumen GGP: AoSL ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

8. Pelaksanaan terhadap GGP: AoSL **berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini.**

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)